

SOALAN NO. 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [PARIT]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan adakah syor supaya barang rampasan yang diperoleh oleh agensi penguat kuasa perlu diserah kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk manfaat penerima bantuan JKM merupakan suatu saranan yang bijak.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar yang memerlukan seperti keluarga miskin, kanak-kanak, warga emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan mangsa bencana.

Kementerian menyambut baik ke atas cadangan supaya barang yang diperolehi dari agensi-agensi penguatkuasaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK), Kastam, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) yang telah selesai dari segi undang-undang dan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk kegunaan kepada klien-klien JKM. Barang-barang yang dicadangkan adalah barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, peralatan yang bersesuaian dan masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

Pihak KPWKM berpendapat bahawa sekiranya barang keperluan asas yang masih baik dan masih boleh diguna pakai adalah baik sekiranya

barang berkenaan diberikan kepada JKM untuk diagihkan kepada klien-klien JKM.

Sehubungan ini, Kementerian akan mengadakan perbincangan lebih khusus dengan agensi-agensi terbabit berkaitan mekanisma pelaksanaan dan menjalankan kerjasama supaya dapat diselaraskan untuk memberi manfaat kepada kumpulan sasar JKM termasuklah mangsa bencana. Namun demikian, perbincangan ini tertakluk kepada pematuhan peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini.